KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	28.03.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JMG			



JENGKAUT sedang mengalihkan batu-batu di bahagian paling atas pada titik kedudukan mangsa dipercayai tertimbus di Keramat Pulai, Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands semalam.

KERATAN Kosmo! 9 Mac 2022.

Operasi dilakukan berhati-hati elak runtuhan

Alih batu di lokasi mangsa tertimbus

Oleh ZAKI SALLEH

IPOH – Masuk hari ke-19, operasi mencari dua mangsa dalam runtuhan batu kuari di Keramat Pulai, Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands di sini kini menumpukan usaha untuk mengalihkan batu-batu di bahagian paling atas pada titik kedudukan mangsa tertimbus.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak memaklumkan, kerja-kerja tersebut dilakukan oleh pekerja syarikat kuari secara lebih berhati-hati bagi mengelakkan berlaku kemalangan.

Menurutnya, operasi tersebut turut dipantau sepenuhnya oleh Pasukan Khas Taktikal Operasi dan Penyelamat Malaysia.

"Tiga jengkaut telah digunakan untuk mengeluarkan timbunan runtuhan batu pada titik yang dikenal pasti sebagai kedudukan jengkaut telah tertimbus.

"Teknik menggerudi pula diteruskan dengan melakukan kerja-kerja menebuk bagi mengesahkan kedudukan sebenar jengkaut yang tertimbus," katanya di sini semalam.

Turut berada di kawasan operasi ialah Timbalan Komander Operasi 2 JBPM Perak, Penguasa Bomba Umrani Che Mat.

Dalam kejadian sekitar pukul 9.15 pagi pada 6 Mac lalu, dua mangsa yang tertimbus dalam runtuhan batu dikenali sebagai Itam Lasoh, 43, dan Kheow Loo Siew Soon, 49.

Ketika kejadian, mereka sedang mengendalikan jengkaut di kawasan itu sebelum batu tiba-tiba runtuh lalu menimpa mereka.

Dua pekerja berusia 35 dan 38 tahun turut cedera dengan salah seorangnya patah kaki terkena batu runtuhan.